

カだめしBahagian 4 Sekolah Rendah Tahun 6 ③


Tahun		Kelas		Nama	
-------	--	-------	--	------	--

【11】 Basikal satu roda merupakan permainan yang terkenal di sekolah Ayaka.

(1) Ayaka ingin melaraskan ketinggian basikal satu roda.

Ketinggian yang sesuai bagi basikal satu roda adalah dari permukaan tanah sehingga pusat badan. Apabila melaraskan ketinggian pelana, rajah di bawah menunjukkan ketinggian ㉞ adalah 20cm.

Jejari tayar basikal satu roda adalah 25cm.



Berapakah ketinggian dalam cm dari permukaan tanah sehingga pusat badan Ayaka. Sila tulis jawapan di bawah.

cm

(2) Ayaka ingin mengetahui berapakah jarak pergerakan dalam satu pusingan tayar basikal satu roda. Jadual di bawah menunjukkan bilangan pusingan tayar dan jarak pergerakan.

Bilangan pusingan	1	2	3	4
Jarak pergerakan (cm)	157	314	471	628

Berdasarkan jadual tersebut, Ayaka mengenalpasti bahawa jarak pergerakan adalah berkadaran dengan bilangan pusingan tayar. Oleh itu, dengan menggunakan hipotesis tersebut, jarak satu pusingan trek boleh dikenalpasti.

Apabila mengelilingi satu pusingan trek, pusingan tayar adalah 120 pusingan.

Bagi mengetahui rumus untuk pengiraan panjang satu pusingan trek, sila pilih daripada jawapan **1** hingga **4** dan tulis jawapan di bawah.



- 1 157×120
- 2 314×120
- 3 120×3.14
- 4 157×3.14

(3) Ayaka ingin mengetahui adakah lelaki atau perempuan lebih ramai boleh menggunakan basikal satu roda. Rajah di bawah menunjukkan bilangan tersebut.

Bilangan orang yang boleh mengayuh basikal satu roda

	Boleh	Tidak Boleh	Jumlah
Lelaki	9	6	15
Perempuan	12	8	20

Berdasarkan jadual di atas, berikut adalah dialog Ayaka.



Ayaka

Bilangan orang yang boleh mengayuh basikal satu roda adalah, 9 lelaki dan 12 perempuan. Saya rasa perempuan lagi ramai yang boleh mengayuh basikal satu roda.

Setelah itu, daripada dialog tersebut, Taro memberitahu seperti dialog di bawah

Tapi, jumlah bilangan orang yang boleh mengayuh basikal satu roda adalah berbeza bagi lelaki dan perempuan. Jadi, kita tidak boleh menilai bilangan orang yang boleh mengayuh berdasarkan bilangan tetapi dengan kaedah peratus.



Taro

Berdasarkan jumlah lelaki dan perempuan, bilangan orang yang boleh mengayuh basikal satu roda dapat dikira. Adakah lelaki atau perempuan yang mempunyai peratus yang lebih besar?

Berdasarkan pilihan jawapan **1** hingga **3**, sila tulis nombor di bawah. Berdasarkan jawapan yang dipilih sila nyatakan alasan bagi jawapan tersebut dengan menggunakan ayat atau jalan pengiraan.

Nombor

- 1 peratus bagi bilangan lelaki adalah lebih besar
- 2 peratus bagi bilangan perempuan adalah lebih besar
- 3 peratus bagi bilangan lelaki dan perempuan adalah sama

Alasan